

PM: PUM bukan badan

UM 17 AUG 2002

MARANG 16 Ogos – Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menyifatkan Persatuan Ulama Malaysia (PUM) bukan **badan** ulama sebenar apabila membela Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat yang menggunakan istilah 'samseng' bagi menggambarkan sifat-sifat Allah.

Perdana Menteri berkata, PUM **kini** hanya lebih sesuai menjadi sebuah cawangan Pas dan bukan mewakili ulama sebenar apabila mengemukakan **pendirian** yang mirip kepada **parti** politik.

Beliau kesal apabila PUM sanggup menggelar Nik Aziz sebagai 'ulama rabbani' sedangkan Nik Aziz banyak mencemari agama Islam dengan pelbagai kenyataan yang mengelirukan tetapi tidak boleh **dipersoalkan** kerana tarafnya.

"Sebab itu dia sanggup kata kononnya Nik Aziz adalah rabbani. Bukan main **lagi** dinaikkan pangkat manusia yang mendakwa Tuhan mencarut, Tuhan **gedebe**, Tuhan samseng, Tuhan penjahat terbesar," katanya.

Beliau berkata demikian semasa berucap merasmikan konvensyen Barisan Nasional dan perhimpunan rakyat Terengganu di Sekolah Menengah Kebangsaan Tun Telanai, di **sini** hari ini.

Dr. Mahathir berkata, gelaran rabbani tidak layak diberikan kepada Nik Aziz yang sanggup berkata Tuhan mencarut di dalam al-Quran **semata-mata** mahu membela **Shahnon Ahmad**, penulis buku **Shit**.

Katanya, tindakan Nik Aziz yang menggunakan istilah samseng dan zalim untuk dikaitkan dengan sifat-sifat Allah secara tidak **langsung** menghina Tuhan

ulama sebenar

kerana Allah s.w.t sebenarnya memiliki sifat-sifat mulia.

Akhbar sebelum **ini** melaporkan Yang Dipertua PUM, Abdul **Ghani Samsudin** enggan **menyatakan** pendirian herhubung isu Nik **Aziz** menghina tuhan sebaliknya menggesa umat Islam menghormati dan menghargai peranan alim ulama seperti Menteri Besar Kelantan itu.

Dr. Mahathir berkata, beliau sendiri pernah **bertanyakan** mengenai istilah samseng yang dikaitkan dengan sifat Allah kepada ulama-ulama luar negara yang menyebabkan mereka tercengang dan menganggap beliau bergurau.

Beliau berkata, setelah diyakinkan, mereka kecewa apabila **ada** pihak yang sanggup mengeluarkan ucapan penghinaan seperti itu **semata-mata** untuk **mendapatkan** pengaruh.

Sementara itu, **pada** sidang akhbar di **sini**, Perdana Menteri berkata, tindakan PUM itu menyebabkan rakyat yang selama **ini** telah terhasut dengan dakwah Pas semakin menerima **apa** sahaja kenyataan yang **dikeluarkan** oleh pemimpin **parti** itu.

"**Kita** tahu rakyat **kita ini** apabila telah terhasut dengan Pas, dia terima **apa** sahaja. Sampai kata Tuhan mencarut pun dia berani dan sanggup terima.

"**Saya** ingat kalau Nik Aziz kata **macam** itu, orang semua lari daripada dia, rupanya tak, itu yang **saya hairan**," katanya.

Ditanya mengenai tindakan kerajaan untuk **mengatasi** penyelewengan Pas itu, Dr. Mahathir berkata, langkah terbaik ialah **memberi** penjelasan sepenuhnya kepada rakyat.